



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

**UCAPAN PUAN RAHAYU MAHZAM,
PENGERUSI JAWATANKUASA BULAN BAHASA
DI MAJLIS PELANCARAN BULAN BAHASA 2019,
7 SEPTEMBER 2019,
DI MUZIUM TAMADUN ASIA**

Tetamu terhormat, Presiden Halimah Yacob

Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim,
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura

Rakan-rakan setugas di Parlimen

Para tamu yang dihormati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Selamat datang ke Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2019, dan terima kasih Presiden Halimah Yacob, dan tetamu sekalian kerana sudi bersama kami di Muzium Tamadun Asia petang ini.
2. Tahun ini merupakan satu lagi pencapaian penting untuk Bulan Bahasa, kerana kita telah melancarkan tema baharu, ‘Cita. Cinta. Citra. Bahasa Kita.’ Ia merupakan tema yang menjemput kita untuk meraikan bahasa Melayu dalam pelbagai cara.



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

3. Tema ini menyerlahkan lagi bahasa Melayu kita yang dinamik, lembut mesra, dan bersemangat. ‘Cita’ menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan penggunaan bahasa Melayu. ‘Citra’ memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. ‘Cinta’ pula menunjukkan minat dan sayang kita akan nilai dan seninya bahasa Melayu yang indah.
4. Tema ini digambarkan menerusi identiti kreatif baharu Bulan Bahasa yang merangkumi lima ilustrasi yang telah dipilih dengan teliti. Ilustrasi-ilustrasi ini amat dekat dengan hati masyarakat Melayu, dan melambangkan nilai dan aspirasi kita untuk generasi muda kita yang akan datang.
5. Palari, kapal belayar yang biasa digunakan oleh orang Bugis pada abad ke-19 melambangkan perhubungan masyarakat kita. Ia mengingatkan kita kepada sejarah dan warisan masyarakat Melayu yang kaya. Ia melambangkan pertukaran idea antara masyarakat di Nusantara dan lantas, persaudaraan masyarakat Melayu yang erat. Perhubungan inilah yang kita ingin generasi muda kita untuk terus jalankan, melalui bahasa.
6. Warisan seni masyarakat Melayu, terutamanya, seni muzik, diungkapkan melalui gambaran gitar. Khazanah seni muzik masyarakat kita yang kaya dengan koleksi lagu dan senikata indah mengungkapkan kisah-kisah rakyat dan kesaudaraan, harapan dan cita-cita. Justeru, kita berharap anak-anak muda kita



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

juga terus meneroka cara-cara baharu untuk mengekspresikan diri mereka, melalui seni.

7. Innovasi dan kebijaksanaan, yang digambarkan menerusi roket dan kancil akan mendorong usaha kita untuk mencari idea-idea baharu untuk mempertingkatkan pemahaman bahasa kita, dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu kepada semua.
8. Banyak yang harus kita raikan sebagai sebuah masyarakat, dan generasi muda kita harus terus memperjuangkan bahasa dan budaya kita. Seperti mana seekor singa melambangkan keberanian, ia kini menjadi lambang keinginan dan daya bingkas masyarakat kita sebagai pengguna dan pejuang bahasa Melayu.
9. Melestarikan bahasa Melayu memerlukan dedikasi, minat dan cinta, dan ini dapat kita lihat dalam Duta-duta Bahasa kita. Kami berharap agar Duta-duta Bahasa yang akan dilantik hari ini, Encik Aqmal Noor, Cik Nabillah Jalal dan Encik Zhulkarnain Abdul Rahim akan terus memberi inspirasi kepada generasi muda dan masyarakat kita. Tahniah dan terima kasih atas dedikasi dan usaha anda bertiga melestarikan bahasa Melayu. Peranan dan tanggungjawab Duta-duta Bahasa amat unik, dan penyertaan anda bertiga dialu-alukan ke dalam keluarga Duta Bahasa yang berkongsi cinta mereka akan bahasa Melayu.
10. Kita juga mempunyai harapan yang sama untuk Rakan-rakan Bahasa kita. Rakan-rakan Bahasa inilah yang menyokong usaha Duta-duta Bahasa dalam



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

menyebarluaskan cinta terhadap bahasa, dan mereka lah generasi yang akan mewarisi bahasa dan budaya Melayu. Kita juga mempunyai harapan untuk mereka menjadi Duta-duta Bahasa suatu hari nanti. Walaupun banyak yang telah dilakukan dalam waktu sekolah, namun minat dan cinta terhadap bahasa harus dipupuk di luar bilik darjah. Ini amat ketara apabila kita melihat semangat guru-guru dan Rakan-rakan Bahasa beraksi dalam Pertandingan Newsmaker, Penterjemah Pintar dan sesi latihan muzium tahun ini. Terima kasih diucapkan kepada guru-guru bahasa Melayu kita atas masa dan dedikasi anda dalam memupuk minat anak-anak kita dalam bahasa Melayu.

11. Rakan Bahasa kita telah bekerja keras dan berlatih bersungguh-sungguh untuk memainkan peranan sebagai pemandu muzium. Setelah meneliti artifak-artifak Nusantara, mereka telah pun menulis skrip mereka sendiri dan berlatih bersama dosen-dosen dan kakitangan Muzium Tamadun Asia, dengan bantuan guru-guru mereka. Saya mengalu-alukan hadirin sekalian untuk menyertai lawatan galeri nanti dan mendengar kisah-kisah artifak yang disampaikan oleh mereka.
12. Dalam kita mengharapkan anak muda kita untuk menghargai sejarah dan memahami budaya kita dengan lebih mendalam, kita juga harus sentiasa mengikuti peredaran masa supaya dapat menambat perhatian generasi muda dalam mereka meniti dunia yang semakin berkembang.



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

13. Ramai rakan-rakan kerjasama yang bersama kita hari ini, seperti Sriwana, Ilham Child Care, Sekolah Menengah Orchid Park, Perguruan Silat Seni Gayong Singapura, yang menyediakan pelbagai program untuk para pengunjung, seperti permainan, persempahan, pertandingan dan aktiviti-aktiviti menarik yang lain. Usaha mereka mencerminkan inovasi dan idea-idea baharu yang dapat menghidupkan bahasa Melayu dalam dunia hari ini.
14. Sebagai acara unggul tahunan untuk masyarakat kita, Bulan Bahasa tentunya telah berkembang sepanjang 31 tahun ia dilancarkan. Pencapaian Bulan Bahasa juga tidak mungkin tercapai tanpa dedikasi dan sokongan jitu Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew dan Jawatankuasa Penterjemahan Nasional (NTC).
15. Bulan Bahasa juga amat bertuah kerana adanya sokongan daripada badan-badan berikut. Setinggi-tinggi penghargaan buat Dana Pemadanan Kebudayaan (CMF), Toteboard, Singapore Press Holdings Foundation, Hong Leong Foundation, Kwan Im Thong Hood Cho Temple, Majlis Ugama Islam Singapura MUIS, Shaw Foundation, Second Chance, dan SBS Transit.
16. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan saya kepada Pusat Kebudayaan Cina Singapura (SCCC), Teevers, F&N, Auric Pacific, Rumah Makan Minang dan The Malayan Council.



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

17. Sekalung budi juga diucapkan kepada Muzium Tamadun Asia (ACM), Lembaga Perpustakaan Negara (NLB), Taman Warisan Melayu (MHC) dan Wisma Geylang Serai (WGS) yang telah menyokong rakan-rakan kerjasama yang akan menjalankan pelbagai program sehingga 13 Oktober 2019.
18. Tugas menggalakkan penggunaan bahasa bukan di dalam lingkungan guru-guru dan ibu bapa sahaja, namun, ia merupakan tanggungjawab bersama. Bulan Bahasa amat bertuah kerana adanya rakan-rakan masyarakat seperti MESRA, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) dan Persatuan Rakyat (PA) yang telah menggembeling usaha oleh badan-badan masyarakat untuk menjayakan Bulan Bahasa. Terdapat banyak lagi peluang untuk menikmati kegiatan-kegiatan berkaitan dengan bahasa dan budaya dalam Raikan Ilmu yang akan dijalankan MENDAKI, Oktober ini. Sungguh memberangsangkan untuk melihat pelbagai program yang dianjurkan untuk masyarakat, dan kami harap usaha bersama untuk menjangkau masyarakat akan berterusan.
19. Daripada pihak Jawatankuasa Bulan Bahasa dan Majis Bahasa Melayu Singapura, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap rakan-rakan kerjasama, penyumbang dana dan penaja Bulan Bahasa, dan kami mengalu-alukan sokongan anda yang berterusan.
20. Hadirin, anda semua sudahpun menerima senaskhah Jurnal Sekata yang dilancarkan semula oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, tahun lepas.



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penyumbang dan editor-editor edisi Jurnal Sekata— Cikgu Suratman Markasan, Encik Mohd Raman Daud, Encik Jamal Ismail dan Dr. Noridah Kamari, Encik Tajudin Jaffar dan Encik Juffri Supa'at.

21. Di samping itu, buku-buku nota Bulan Bahasa sumbangan pemenang-pemenang Anugerah Guru Arif Budiman, Cikgu Nurhiza Mohamed, Cikgu Amirul Asri, Cikgu Norafizah Shariff, Cikgu Zareen Shariff and Cikgu Roslie Buang Sidik juga telah diterbitkan. Semoga masyarakat kita, terutamanya para pelajar, dapat meraih manfaat daripada membaca jurnal yang kaya dengan ilmu ini.
22. Persiapan sambutan Bulan Bahasa 2019 adalah satu lagi usaha sama Jawatankuasa Bulan Bahasa. Sekalung budi saya ucapkan kepada semua ahli jawantankuasa yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk memeriahkan lagi sambutan Bulan Bahasa tahun ini. Saya ingin menjemput hadirin sekalian untuk memberikan tepukan gemuruh kepada ahli Jawatankuasa Bulan Bahasa.
23. Kami juga disokong oleh Lembaga Warisan Negara (NHB), sekretariat kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Jawatankuasa Bulan Bahasa. Terima kasih atas semua perancangan dan kerja keras anda dalam menjayakan sambutan Bulan Bahasa tahun ini.
24. Bahasa Melayu merupakan wadah untuk memahami ilmu, sejarah dan budaya masyarakat Melayu yang kaya, justeru, penting untuk kita terus menyelami



*Diembargo Sehingga
4.00ptg, Sabtu, 7 September 2019
(Sila semak selepas ucapan)*
UCAPAN BAHASA MELAYU

keindahan bahasa kita. Kami berharap agar masyarakat terus meneroka dan berinovasi dengan idea-idea baharu untuk menarik minat orang ramai, terutamanya generasi baharu kita, untuk mencintai bahasa Melayu.

25. Penggunaan dan penghargaan terhadap bahasa Melayu bergantung kepada kita, dan usaha kita harus berterusan. Tanggungjawab kita untuk memupuk generasi yang akan datang harus dikongsi bersama.
26. Semoga bahasa Melayu kekal relevan dan semoga anak-anak muda kita terus menggunakan bahasa Melayu agar bahasa kita kekal.

Kalau setia kukuhkanlah cita,
Kalau bangga laungkanlah citra;
Kalau sayang semaikanlah cinta,
Bulan Bahasa milik kita semua.

27. Terima kasih.